

09 APR 2003

Tajol-Timbangan

TAJOL MINTA SEMUA BAHAGIAN UMNO TAK BINCANG SOAL TIMBALAN

IPOH, 9 April (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini meminta semua Umno bahagian di Perak memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum dan tidak membincangkan soal siapa yang bakal dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, adalah tidak wajar membincangkan perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan perpaduan sedangkan tumpuan parti adalah ke arah menguatkan jentera pilihan raya umum.

"Saya nasihatkan pemimpin-pemimpin Umno di Perak sabar menunggu siapakah yang dilantik Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila beliau menjadi Perdana Menteri nanti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang menyokong Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri apabila Abdullah mengambilalih jawatan Perdana Menteri selepas Oktober ini.

Mohamed Nazri semalam bagaimanapun menjelaskan kenyataannya itu hanya pandangan peribadi dan bukan resolusi bahagian itu.

Tajol Rosli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata semua anggota dan pemimpin parti sedar hak memilih Timbalan Perdana Menteri terletak di tangan Perdana Menteri manakala jawatan Timbalan Presiden Umno pula dipilih oleh anggota parti.

Katanya, pemilihan Umno hanya akan diadakan selepas pilihan raya umum dan sama ada jawatan Timbalan Perdana Menteri itu diisi atau tidak akan ditentukan oleh Abdullah.

"Kita sokong siapa sahaja yang dipilih. Tetapi jika sudah ada Timbalan Perdana Menteri sebelum pemilihan Umno, biasanya ahli Umno akan memilih orang yang sama menjadi timbalan presiden," tambah beliau.

Di JOHOR BAHRU, Umno Johor menyokong pendirian Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa jawatan Timbalan Perdana Menteri dari segi amalan dan teladannya sejak sekian lama dilantik oleh Perdana Menteri pada waktu yang berkenaan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata ini terbukti dengan amalan dan teladan yang bermula sejak zaman Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman.

"Ini adalah amalan yang ada pada parti kita dan perlu terus dipelihara," kata Abdul Ghani, yang juga Menteri Besar Johor, pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco.

Beliau berkata sekarang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Dr Mahathir juga telah memilih Datuk Seri Abdullah sebagai penggantinya dan oleh itu Umno Johor bersetuju dengan pendirian Datuk Seri Abdullah bahawa bila tiba masanya, Perdana Menteri pada masa tersebut akan melantik timbalannya," katanya.

Abdul Ghani berkata Umno Johor berpendapat tidak sepatutnya ada mana-mana pihak sekalipun yang mengambil langkah-langkah di luar daripada amalan parti.

"Kami (Umno Johor) semua sudah bersetuju...bahawa kita bahagian (Umno di Johor) bersetuju dengan apa yang telah dijelaskan oleh Datuk Seri Abdullah dan menyokong pendirian itu," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pergerakan Pemuda dan Puteri Umno Terengganu juga

bersetuju bahawa pemilihan Timbalan Perdana Menteri adalah hak Abdullah apabila menjawat jawatan Perdana Menteri kelak.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Din Adam berkata pelantikan TPM adalah hak Perdana Menteri dan ia tidak sepatutnya dipertikaikan.

"Kami sependapat dengan pendirian Pemuda Umno Malaysia bahawa jawatan TPM adalah hak mutlak Perdana Menteri dan kerana itu semua pihak perlu menghentikan polemik mengenainya," katanya.

"Tumpuan kita sekarang bukan perkara itu tetapi sepatutnya lebih kepada menyusun gerak kerja bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," kata Din.

Ketua Puteri Umno Terengganu, Nordiana Shafei pula berkata semua anggota parti dan pimpinan tidak perlu mencampuri soal pemilihan calon TPM kerana ia boleh menjejaskan tumpuan parti terhadap agenda lain.

Katanya, perkara itu jika dibiarkan berterusan boleh membawa kesan negatif kepada parti hingga menjejaskan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata semua anggota Umno harus memahami adalah menjadi tugas Perdana Menteri untuk menamakan siapa yang menjadi timbalannya.

"Nak bagi nama siapa menjadi Timbalan Perdana Menteri adalah hak PM," katanya.

Syed Razak berkata beliau menyokong kenyataan Abdullah itu dan melahirkan keyakinan semua bahagian Umno di Kedah tidak akan membuat usul mengenai calon TPM pada persidangan masing-masing.

Di PULAU PINANG, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata semua anggota Umno harus menghormati hak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menentukan siapakah yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri setelah beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Beliau berkata menurut amalan biasa, kuasa menentukan siapa yang akan dilantik terletak kepada Perdana Menteri.

"Kita tidak perlu bincang perkara ini dan biarlah Pak Lah menentukannya. Beliau tentunya mempunyai pandangan sendiri mengenai siapa yang paling sesuai untuk jawatan itu," katanya sambil meminta semua anggota parti di negeri itu agar tidak membangkitkan perkara itu.

Ketua Wanita Umno negeri Datuk Sharifah Aminah Syed Mohamad pula mahu anggota parti supaya lebih menumpukan perhatian kepada usaha memastikan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

"Tiada gunanya berbincang untuk melantik pemimpin tertentu menjadi Timbalan Perdana Menteri sedangkan kita kalah pada pilihan raya umum. Sepatutnya kita kena menang pilihan raya dulu dan pastikan kerajaan BN terus memerintah baru boleh fikir tentang siapa yang hendak dilantik," katanya.

Ketua Umno Bahagian Jelutong Mohd Noor Hussin sementara itu meminta rakan-rakan sejawatannya yang lain agar mematuhi nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Abdullah sendiri supaya dihentikan membuat sebarang komen mengenai siapa yang akan jadi TPM.

Di KUANTAN, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Pahang Ismail Mohd Said juga meminta semua anggota parti tidak mempersoalkan calon yang bakal dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, agenda penting parti pada masa kini ialah memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Di KOTA BAHARU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Zaid Ibrahim berkata keputusan menentukan calon Timbalan Perdana Menteri perlu diserahkan kepada bakal Perdana Menteri.

Beliau berkata oleh itu perbincangan mengenai siapa yang layak

menduduki kerusi nombor dua itu tidak wajar dibincangkan secara terbuka pada masa ini.

"Sekarang kita masih ada Perdana Menteri yang lama (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)...biarlah Pak Lah menjadi Perdana Menteri dulu," katanya.

"...jadi janganlah selalu fikirkan perkara itu...kita ikut tradisi dan bila sampai masanya Perdana Menteri pada masa itu akan memilih orang yang difikirkan paling sesuai," katanya.

Zaid berkata beliau setuju dengan kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya perkara itu tidak perlu dibincangkan dan terserah kepada Abdullah untuk menentukannya apabila menjadi Perdana Menteri.

-- BERNAMA  
MNR RAR MOZ